

07 AUG 1997

ASEAN-Anugerah

TIGA DARI MALAYSIA ANTARA YANG TERIMA ANUGERAH PENCAPAIAN ASEAN

Oleh: Khairdzir Yunus

JAKARTA, 7 Ogos (Bernama) -- Presiden Majlis AIDS Malaysia Datuk Paduka Marina Mahathir ialah antara tiga dari Malaysia yang menerima Anugerah Pencapaian ASEAN Kelima pada majlis jamuan di sini malam ini.

Marina menerima anugerah itu bagi kategori Perkhidmatan Masyarakat.

Dua lagi penerima dari Malaysia ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Bhd Tengku Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim dan Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia Datuk Dr Ahmad Zaharudin Idrus.

Tengku Mohd Azman menerima anugerah bagi kategori Teknologi Maklumat (IT) manakala Dr Ahmad Zaharudin dalam bidang sains.

Anugerah disampaikan oleh Menteri Penyelaras Bidang Produksi dan Distribusi Indonesia Hartarto Sastrosoenarto.

Yang turut hadir ialah Presiden Forum Perniagaan ASEAN (ASEAN Business Forum) Tan Sri Loy Hean Heong dan Setiausaha Agung ASEAN Datuk Ajit Singh. Forum Perniagaan ASEAN ialah penganjur anugerah tahunan tersebut sejak 1992.

Presiden Dewan Perniagaan Indonesia Aburizal Bakrie, yang juga pengerusi kumpulan syarikat Bakrie, menerima anugerah Tokoh Perniagaan ASEAN tahun ini.

Penerima lain ialah Prof Dr Visith Sitprija dari Thailand bagi bidang perubatan, Dr Cham Tao Soon dari Singapura (pendidikan), Benedicto Cabrera dari Filipina (visual dan persembahan kesenian/visual and performing arts), Somluck Kamsing dari Thailand (sukan), Dr Francisco L. Viray dari Filipina (kejuruteraan), Prof Dr Emil Salim dari Indonesia (perlindungan alam sekitar), dan Dr Tan Tin Wee dari Singapura (penyelidikan dan pembangunan).

Ketika ditemui pemberita, Marina menyifatkan anugerah itu sebagai penghormatan kepada negara dan penghargaan kepada usaha-usaha beliau dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap bahaya AIDS.

Dr Ahmad Zaharudin menyifatkan anugerah yang diterimanya sebagai pengiktirafan terhadap usaha Malaysia meningkatkan penguasaan rakyat dalam bidang sains demi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.

Tengku Azzman pula yakin beliau dipilih sebagai penerima anugerah bagi bidang Teknologi Maklumat kerana usaha-usaha Malaysia menerajui inisiatif dalam bidang multimedia melalui penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC). --
BERNAMA

KHY FAZ